

# Mahathir nasihat semua parti komponen BN selesai masalah sendiri

UM 7 DEC 1984  
KUALA LUMPUR 6

Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan semua parti komponen Barisan Nasional supaya cuba menyelesaikan sendiri masalah dalam parti masing-masing.

Merujuk kepada masalah MCA. Perdana Menteri berharap krisis yang melanda akan dapat diselesaikan secepat mungkin dan kalau boleh sebelum akhir tahun ini.

Bercakap kepada para pembacita selepas menandakan dengan secara rasmi penyempurnaan kerja-kerja pembinaan kompleks ibu pejabat UMNO di sini tengah hari ini, beliau berharap satu suasana yang menggalakkan dapat diwujudkan di antara kedua-dua pihak dalam parti berkeajaan.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional mengakui bahawa beliau telah beberapa kali ditemui oleh pemimpin kedua belah pihak yang bertelagah dalam parti itu iaitu Naib Presiden MCA yang dipecat, Encik Tan Koon Swan dan Pemangku Presidennya, Datuk Dr. Nco Ycc Pan.

Katanya, pertemuan tersebut merupakan pertemuan biasa sebagai rakan seperjuangan dan beliau tidak memberi apa-apa nasihat untuk menyelesaikan masalah mereka.

"Cuma nasihat saya kepada semua parti komponen Barisan Nasional ialah mereka perlu mengemaskan rumahtangga masing-masing tanpa campur tangan orang luar," tegas beliau.

Menjawab satu pertanyaan, Perdana Menteri berkata beliau belum menatapkan lagi tarikh mesyuarat Barisan Nasional.

Mengenai laporan akhbar baru-baru ini kononnya pilihanraya umum akan diadakan tidak lama lagi, beliau mengesakan bahawa sesiapa pun boleh membuat ramalan atau memulakan kempen. Kerajaan tidak akan menghalangnya.

Mengenai lawatannya ke Libya, Merit dan Mali yang akan bermula Sabtu ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata penekanan beliau ialah untuk merapatkan lagi kerjasama perdagangan dan hubungan dua hala.

Dalam bidang perdagangan, Perdana Menteri menambah, Malaysia akan memberi tumpuan kepada minyak kelapa sawit kerana ia didapati boleh menggantikan minyak makanan dari punca-punca lain di kebanyakan tempat.

Menurut Perdana Menteri, lawatannya ketiga buah negara itu adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk mengadakan hubungan yang lebih rapat dengan negara-negara membangun.

Katanya, Malaysia me-

mang mempunyai hubungan yang istimewa dengan Mali yang merupakan salah sebuah negara sahil di mana terdapat kawasan padang pasir yang begitu luas hinggan di kebanyakan tempat bekalan makanannya adalah tidak mencukupi.

Dalam hubungan ini, tambah beliau, Malaysia telah memberi bantuan beras sebanyak 10,000 tan untuk mengatasi masalah kebulurannya.

Mengenai hubungan Malaysia dengan Libya, Perdana Menteri berkata lawatannya akan dapat merapatkan hubungan kerana menurutnya tidak ada sebab kenapa Malaysia tidak boleh memperkukuhkan hubungan dengan negara-negara yang tidak menentang.

Sementara di Mesir pula, beliau berkata lawatan itu akan memberi peluang kepadanya dan Presiden Hosni Mubarak untuk bersua-memandangkan kedua-dua mereka adalah pemimpin baru.

Ditanya kenapa hubungan dagangan Malaysia dengan negara-negara berkenaan tidak begitu menggalakkan, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa kebanyakan pengusaha Malaysia lebih suka mengadakan hubungan dengan rakan tradisional dan cepat mengaku kalah apabila menghadapi masalah.

"Kita sepatutnya harus faham kehendak dan sikap sesebuah negara jika mahu terus mengadakan hubungan dagangan yang lebih baik," kata Perdana Menteri.